

**KEWAJIPAN • MARUAH • INTEGRITI**  
**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 (61)

Tarikh : 30 Julai 2015

Semua Staf,  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,  
Kem Sungai Besi,  
Kuala Lumpur.

YBhg. Dato'/Prof/Prof Madya/Dr/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 4 TAHUN 2015**  
**KADAR BAHARU SYARAHAN AKADEMIK SAMBILAN BAGI PENSYARAH**  
**SAMBILAN FAKULTI PERUBATAN DAN KESIHATAN PERTAHANAN (FPKP)**  
**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

.....

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kadar baharu syarahan akademik sambilan bagi pensyarah sambilan Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan (FPKP) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Bermula Sesi Akademik 2013/2014, Pelajar Tahun 3 Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan telah memulakan latihan klinikal di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (Hospital Pengajar). Namun yang demikian, kekurangan kepakaran klinikal pensyarah sedia ada tidak dapat menampung keperluan pengajaran dan pembelajaran klinikal bagi beberapa bidang seperti *Internal Medicine, Surgery, Pediatrics dan Obstetrics & Gynecology*. Sehubungan itu, pihak fakulti telah mengambil pensyarah sambilan bagi memenuhi keperluan di atas sehingga kini yang juga menampung keperluan klinikal pelajar Tahun 4.

2.2 Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan telah mengguna pakai kadar seperti yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1995 iaitu RM100/jam dengan had maksimum sebanyak RM1,200 sebulan untuk tujuan bayaran syarahan akademik sambilan bagi pensyarah sambilan ini.

### 3.0 PELAKSANAAN KADAR BAHARU

3.1 Kadar baharu ini adalah sebagai imbuhan galakan kepada pensyarah sambilan Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan (FPKP) yang diambil oleh Universiti terutamanya di kalangan pakar-pakar perubatan yang mempunyai kelayakan tinggi dan setimpal dengan beban pengajaran yang diberikan.

3.2 Kadar baharu syarahan akademik sambilan bagi pensyarah sambilan Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan (FPKP) yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

KATEGORI	JAWATAN	KADAR BAYARAN (RM/JAM)		KADAR BAYARAN 'BEDSIDE TEACHING'/KLINIK/ AMALI	TUNTUTAN MAKSIMUM (RM/BULAN)
		KULIAH	TUTORIAL		
Perubatan/ Gred DU	Profesor (VK7 ke atas)	300	200	RM 300 / sesi	4,500
	Profesor Madya (DU53/ DU54)	200	130	RM 200 / sesi	4,000
	Pensyarah Kanan (DU51/DU52)	150	100	RM 200 / sesi	3,500
	Pensyarah Perubatan Pelatih (DU51P)/ Pegawai Perubatan Bukan Pakar	120	90	RM 120 / sesi	3,200
	Kumpulan Pelaksana/ Tutor	-	-	RM 80 / sesi	2,500


### 4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeiling ini berkuatkuasa dari 1 Jun 2015

## 5.0 PEMAKAIAN

Kadar baharu ini hanya terpakai kepada pensyarah sambilan FPKP UPNM sahaja dan sekiranya pensyarah sambilan FPKP UPNM meletak jawatan maka kemudahan ini tidak boleh dipanjangkan ke Pihak Berkuasa Melantik yang baharu.

"KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI"

Yang benar, 



**MOHD BAKHARI BIN M. YASIN**  
Pendaftar

- s.k Naib Canselor
- TNC Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
- TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
- PNC Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
- PNC Penyelidikan dan Inovasi
- Pegawai - Pegawai Kanan
- Dekan – Dekan Fakulti
- Pengerusi GPTI
- Pengerusi NADIMASA
- Pengerusi KESUPNA